



UNIMAS/TNC(AA)/01-06/04 (04)

26 Januari 2018

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) Bil.01/2018**

PINDAAN TERKINI

**PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA UNIMAS
(Caj Pemprosesan Permohonan Mencetak Semula Sijil Kepujian Dekan Dan
Tambah Kursus Di Luar Tempoh Tambah Kursus)**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.04/2017 Ke- 81 pada 14 Disember 2017 telah meluluskan pindaan Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda UNIMAS seperti ketetapan berikut:

A. PENDAFTARAN KURSUS (PERKARA 4.4)

1. Pindaan Perkara 4.4.5

Pelajar dibenarkan menambah dan menggugur kursus sehingga akhir minggu keempat (ke-4). Pendaftaran tambah kursus selepas minggu keempat (ke-4) perkuliahan adalah tidak dibenarkan. Gred tidak akan diberikan sekiranya pelajar gagal mendaftar sesuatu kursus secara sah. Walau bagaimanapun, denda **tambah/gugur** kursus selepas minggu keempat (ke-4) adalah seperti berikut:

2. Tambahan Sub perkara 4.4.5

iii. Semester 1 dan 2 – Denda sebanyak RM100.00 [RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS SAHAJA] per kursus dikenakan kepada pelajar yang mendaftar kursus selepas minggu ke-4 hingga minggu ke-6 tertakluk kepada jam kredit maksimum yang dibenarkan (Rujuk perkara 4.4.4)

iv. Antarsesi – Denda sebanyak RM100.00 [RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS SAHAJA] per kursus dikenakan kepada pelajar yang mendaftar kursus pada minggu ke-2 sahaja (Rujuk perkara 4.4.4)

Nota: Peraturan ini berkuatkuasa mulai Semester 2 Sesi 2017/2018 untuk semua pelajar prasiswazah UNIMAS.

B. SISTEM PENILAIAN (PERKARA 10)

1. Tambahan Sub perkara 10.3 (Keputusan Penilaian)


10.3.4 Permohonan cetakan semula Sijil Kepujian Dekan boleh dimajukan kepada pihak Universiti dengan mengemukakan resit bayaran RM5.00 [RINGGIT MALAYSIA: LIMA SAHAJA]

Nota: Peraturan ini berkuatkuasa mulai Sesi 2017/2018 untuk semua pelajar prasiswazah UNIMAS.

Kesemua pindaan tersebut hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan Akademik Pengajian Ijazah Sarjana Muda yang berkuatkuasa.

Sekian terima kasih.

Yang benar



Prof Dr Wan Hashim Bin Wan Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akdemik dan Antarabangsa)

s.k. Naib Canselor